

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR
(BATU GAJAH) (DAP)**

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bantuan-bantuan, faedah-faedah dan keistimewaan yang diberikan kepada bekas-bekas anggota tentera. Adakah Kementerian bercadang untuk memberikan pendidikan percuma kepada anak-anak anggota tentera dan bekas tentera bagi mengenang jasa dan bakti kepada negara.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap hal ehwal kebajikan dan sosio ekonomi serta membela nasib Veteran ATM dan keluarga anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pelbagai bentuk bantuan telah disediakan bagi membantu Veteran ATM yang layak menerimanya dan diselaraskan di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Antara bantuan yang disediakan ialah:

- 1. Skim Bantuan Kebajikan Dan Pendidikan;**
- 2. Tuntutan Bayaran Balik Kemudahan Perubatan;**
- 3. Program Pembangunan Kerjaya Dan Sosioekonomi; dan**
- 4. Bantuan Mengurus Jenazah.**

Dari aspek pendidikan pula, Kerajaan sememangnya menyediakan pendidikan percuma di peringkat rendah dan menengah. Walau bagaimanapun, Kementerian juga memberi beberapa insentif kepada anak-anak ATM yang cemerlang diperingkat UPSR, PT3, SPM dan IPTA seperti berikut:

- 1. Anugerah Kecemerlangan Pendidikan LTAT-YWP (AKP LTAT-YWP);**
- 2. Tabung Pendidikan Kanak-Kanak Angkatan Tentera (TPKKAT);**
- 3. Skim Yayasan Warisan Perajurit (YWP) untuk anak-anak anggota tentera;**
- 4. Biasiswa *Role Model* dan Penajaan Program Pembelajaran *Tutor Online*;**
- 5. Kelas Bimbingan Tuisyen;**

6. **Program Kecemerlangan Akademik;**
7. **Program *Summer Camp* Wira Junior;**
8. **Bantuan Pendidikan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB);**
9. **Kemudahan Kemasukan Ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM);**
10. **Kemudahan Asrama Putera dan Puteri; dan**
11. **Tadika dalam Kem.**